

Idea ‘gila’ bawa pulangan lumayan

» **Bekas jurutera firma IT jual perabot terpakai selepas hilang pekerjaan**

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kehilangan pekerjaan pada usia muda, lebih-lebih lagi usia kehidupan berumah tangga baharu memasuki abad pertama adalah cabaran yang amat besar kepada sesiapa saja yang pernah melaluinya.

Apatah lagi dengan pendapatan yang diperoleh hasil bekerja makan gaji itu digunakan untuk menara keluarga dan membesar anak serta memberi pendidikan sewajarnya untuk si kecil.

Pengalaman perit usahawan muda perabot, perkakas rumah dan barang elektrik terpakai berusia 33 tahun, Mohd Azli Kamaruzzaman yang melalui getir kehilangan kerja hampir meragut keyakinannya.

+ Pasrah selepas hilang kerja
Beliau yang sebelum ini berkhemat sebagai jurutera rangkaian di sebuah syarikat teknologi maklumat (IT) terkemuka, terpaksa pasrah apabila syarikat berkenaan mula goyah dan akhirnya terpaksa ditutup.

“Sebelum ini saya bekerja di syarikat IT tempatan, tetapi syarikat yang ditubuhkan pada 1992 itu terpaksa gulung tikar,” katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Beliau berkata, kedudukan syarikat tempatnya bekerja sudah disedari hampir enam bulan terakhir sebelum ditutup sepenuhnya tahun lalu dengan caruman Kumpulan Wang Simpanan Perkerja (KWSP) tidak lagi dibayar, selain bayaran kerja lebih masa dan eluan kerja kebanyakannya tidak dapat dijelaskan.

“Syarikat tidak lagi berdaya saing dan ‘bermasalah’ dalam membuat pembayaran gaji kepada kakitangannya. Pada masa itu, saya terpaksa bertahan lagi kerana tiada sumber pendapatan lain yang dapat menampung saya jika berhenti kerja awal.

Abang suruh bermiaga

“Lama juga saya berfikir mengenai masalah yang dihadapi dan abang saya memberi cadangan supaya saya membeli sebuah lori serta memulakan perniagaan perkhidmatan memindah barang,” katanya.

Untuk membeli lori bukannya mudah, malah katanya, beliau terpaksa menjual kereta kesayangannya untuk dijadikan sebagai wang deposit bagi membeli ken-



Mohd Azli bersama pekerja menyusun perabot terpakai di QNA Global Solutions Taman Dahlia, Bandar Baru Salak Tinggi Sepang.
[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]



“*Selepas menghantar perabot baharu ke rumah pelanggan, mereka meminta saya mengambil perabot lama. Di situ lah bermulanya idea membaik pulih perabot terpakai dan menjualnya semula”*

**Mohd Azli Kamaruzzaman,
Pengasas Qaleesya Store**

deraan itu.

“Setiap langkah memerlukan pengorbanan dan pengorbanan terbesar saya adalah menjual kereta yang menjadi ‘kaki’ untuk saya serta anak isteri bergerak demi membeli lori terpakai bernilai RM28,000 secara pinjaman.

“Saya beritahu abang, cadangan beliau satu kerja ‘gila’ kerana kerjaya di syarikat IT terumbang-ambing, malah berhadapan risiko menjual kereta kesayangan dan memulakan langkah pertama dalam perniagaan perkhidmatan pemindahan barang,” katanya.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, de-



Kereta dijual untuk membeli lori ketika memulakan perniagaan.

ngan lori yang ada, beliau menyediakan perkhidmatan pemindahan dan penghantaran barang untuk kilang atau mereka berpindah rumah.

“Selepas syarikat IT tempat saya bekerja tutup. Saya memberi tumpuan kepada perkhidmatan pemindahan dan penghantaran sepenuhnya. Pada masa sama, saya meninjau untuk membuka kedai perabot baharu pada mulanya.

Berbekalkan sedikit modal yang ada, Mohd Azli membuka kedai perabot baharu dikenali, Qaleesya Store di Kajang, Selangor dan stok perabot diperoleh terus dari kilang di Klang, Kajang dan Semenyih.

Perniagaannya agak baik, namun kepakaran dalam pertukangan belum dapat diterjemahkan sehingga suatu ketika Mohd Azli menghantar perabot yang dipesan pelanggannya.

Dapat idea ketika hantar perabot

“Selepas menghantar perabot baharu ke rumah pelanggan, mereka meminta saya mengambil perabot lama untuk dibawa balik ke kedai saya. Di situ lah bermulanya idea untuk membaik pulih perabot terpakai dan menjualnya semula,” katanya.

Beliau yang sememangnya minati kerja pertukangan kayu sejak remaja lagi, mula membuat



INFO

Profil

- **Nama:** Mohd Azli Kamaruzzaman
- **Umur:** 33 tahun
- **Asal:** Batu Gajah, Perak
- **Jawatan:** Pengasas QNA Global Solution (Qaleesya Store)

perancangan untuk membuka kedai perabot baharu dan terpakai serta produk elektrik terpakai.

Peringkat permulaan perniagaan perabot terpakai mendapat sambutan baik kerana harganya yang lebih murah, tetapi berkualiti menjadi pilihan mereka yang kurang bajet untuk menghias rumah.

Ada kemahiran baik perabot

“Saya memiliki sedikit kemahiran untuk membaik pulih perabot terpakai. Jadi, inilah masa sesuai untuk saya mempraktikkannya. Alhamdulillah, berkat kesabaran dan permintaan kepada perabot terpakai yang menggalakkan, saya mampu menjana pendapatan walaupun bidang ini bukan bidang kepalakan utama saya,” katanya.

Bagaimanapun, setiap perniagaan pasti ada cabarannya. Disebabkan kos operasi tinggi ekoran kadar sewa tinggi, perniagaan yang dijalankannya mendapat margin yang rendah.

Menyedari perkara itu, Mohd Azli memutuskan untuk memindahkan Qaleesya Store ke Salak Tinggi, Sepang dan memberi tumpuan utama kepada perniagaan perabot dan barang terpakai.

“Alhamdulillah, di Salak Tinggi saya mendapat premis pada kadar sewa yang lebih berpatutan. Jadi, saya boleh menawarkan harga perabot terpakai pada harga lebih baik kerana kos operasi yang lebih rendah jika dibandingkan ketika di beroperasi Kajang sebelum ini,” katanya.

Ketika ini, Qaleesya Store menawarkan lebih 500 produk dari perabot hingga ke barang elektrik terpakai.

“Bagi mempromosikan produk Qaleesya Store, saya menjadikan media sosial sebagai platform dan Alhamdulillah ia mendapat sambutan,” katanya.